



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT  
ADLY BIN ZAHARI  
TIMBALAN MENTERI  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV)**

**4 MAC 2023 (SABTU)  
AYER KEROH, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

(BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM)

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على أشرف الأنبياء والمرسلين

وعلى آله وصحبه أجمعين

(ALHAMDULILLAHIROBBIL 'ALAMIN, WASSOLATU WASSALAMU 'ALA  
ASROFIL AMBIYA IWAL MURSALIN WA'ALA ALIHI WASOHBHI AJ  
MA'IN)

SEGALA PUJI DAN SYUKUR DIPANJATKAN KE HADRAT ALLAH  
SUBHANAHU WATA'ALA TUHAN SEKALIAN ALAM SERTA SELAWAT  
DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN KITA NABI MUHAMMAD SALALL'AH  
ALAIHI WASALAM, PARA SAHABAT DAN KELUARGA BAGINDA.

**(SENARAI SALUTASI AKAN DILAMPIRKAN KEMUDIAN OLEH  
JHEV ATM CAWANGAN MELAKA & NEGERI SEMBILAN )**

**DATO'-DATO, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PRESIDEN / YDP / WAKIL / AHLI / PERSATUAN-PERSATUAN DAN WARGA VETERAN ATM YANG DIKASIHI DAN DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.**

### **PENDAHULUAN**

ALHAMDULILLAH, SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIANYA DAN ANUGERAH KESIHATAN YANG BAIK DIBERINYA, MAKA DAPATLAH KITA SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA MALAM INI BERSEMPENA PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV) KEMENTERIAN PERTAHANAN.

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA DATO'-DATO', TUAN-TUAN, PUAN-PUAN SEMUA ATAS KESUDIAN UNTUK HADIR PADA MAJLIS HARI INI. TERIMA KASIH JUGA KERANA MENGALU-ALUKAN KEHADIRAN SAYA DI SINI.

SEBAGAI MAKLUMAN, KERAJAAN MELALUI KEMENTERIAN PERTAHANAN SENTIASA RESPONSIF DAN PRIHATIN DENGAN HAL EHWAL VETERAN. MALAH, ASPEK KESEJAHTERAAN VETERAN TELAH MENJADI SALAH SATU TERAS UTAMA DALAM PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN INI.

SEHUBUNGAN ITU, PROGRAM PEDULI VETERAN PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN DIADAKAN SEBAGAI SALAH SATU PELAN TINDAKAN KEMENTERIAN UNTUK MEMBERI RUANG KEPADA PUCUK PIMPINAN TURUN PADANG BAGI MENDEKATI DAN MENDENGAR SECARA LANGSUNG SUARA VETERAN-VETERAN DI SETIAP NEGERI YANG DIRANCANG. PROGRAM INI JUGA MEMBUKTIKAN BAHAWA KEMENTERIAN PERTAHANAN MENGAMBIL SERIUS TENTANG PERMASALAHAN DAN KEBAJIKAN VETERAN ATM. SELAIN ITU, PIHAK JHEV ATM TURUT MEMAINKAN PERANAN YANG PENTING DALAM MEMASTIKAN SETIAP INISIATIF BANTUAN KEBAJIKAN, PERUBATAN, PENDIDIKAN DAN PERUMAHAN DILAKSANA, SERTA DIURUS DENGAN CEKAP DAN BERKUALITI. JHEV ATM TURUT KOMITED DALAM MENGENAL PASTI SEBARANG PELUANG YANG BOLEH MEMANFAATKAN PARA VETERAN DAN TANGGUNGAN DEMI AGENDA MEMPERKASAKAN ASPEK KEBAJIKAN VETERAN SELARAS DENGAN PEMBANGUNAN MALAYSIA MADANI.

## **PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN UNTUK INISIATIF KEBAJIKAN VETERAN**

PERUNTUKAN KEWANGAN KEMENTERIAN PERTAHANAN MELALUI JHEV ATM, AKAN TERUS DISALURKAN DALAM PELBAGAI ASPEK KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN VETERAN ATM. SECARA PURATA, BERDASARKAN PERBELANJAAN TAHUN 2022 YANG DIBELANJAKAN BAGI TUJUAN KEBAJIKAN VETERAN DAN TANGGUNGAN ADALAH:

1. RM 100 JUTA BAGI KEMUDAHAN PERUBATAN VETERAN ATM;
2. RM 600 RIBU UNTUK BANTUAN PERALATAN PESAKIT;
3. RM34 JUTA UNTUK BANTUAN SARA HIDUP (BSH);
4. RM 825 RIBU UNTUK BANTUAN PERSEKOLAHAN;
5. RM 6.3 JUTA UNTUK BANTUAN IPT;
6. RM 550 RIBU UNTUK BANTUAN BENCANA ALAM;
7. RM 12 JUTA UNTUK BANTUAN MENGURUS JENAZAH; DAN
8. RM 5.74 JUTA UNTUK INISIATIF PERUMAHAN VETERAN ATM.

### **INTIPATI BELANJAWAN MADANI**

PADA 24 FEBRUARI YANG LALU, KERAJAAN TELAH MENGUMUMKAN BELANJAWAN MADANI YANG MANA

KEMENTERIAN PERTAHANAN TELAH DIPERUNTUKKAN SEJUMLAH 17.7 BILION KESELURUHAN. SEBAHAGIAN PERUNTUKAN INI TURUT MEMBERI FOKUS KEPADA ASPEK PENBANGUNAN SOSIO EKONOMI DAN KEBAJIKAN VETERAN.

### **INISIATIF BANTUAN KOS SARA HIDUP**

PRIHATIN DENGAN BEBANAN KOS SARA HIDUP SEMUA RAKYAT TERMASUKLAH VETERAN, KERAJAAN TELAH MENAMBAHBAIK PEMBERIAN SUMBANGAN TUNAI SEPERTI BERIKUT:

- 1. SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) DENGAN MENGAMBIL KIRA BILANGAN ANAK TANGGUNGAN UNTUK KELUARGA BERPENDAPATAN DI BAWAH 2,500 RINGGIT.**
- 2. SUMBANGAN TAMBAHAN SEBANYAK 600 RINGGIT AKAN TURUT DIBERI KEPADA PENERIMA STR TERMISKIN MENGIKUT DATA E-KASIH. SUMBANGAN INI DALAM BENTUK BAKUL MAKANAN DAN BAUCAR BARANGAN MAKANAN ASAS.**
- 3. SECARA KESELURUHANNYA, VETERAN DAN TANGGUNGAN DALAM GOLONGAN MISKIN TEGAR BOLEH MENIKMATI SUMBANGAN SEHINGGA 3,100 RINGGIT.**

## KERJAYA KEDUA

PARA HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

4. KERAJAAN PERCAYA BAHAWA PENINGKATAN KEMAHIRAN MELALUI PELUANG KERJAYA DAN PENDIDIKAN BOLEH MEMANGKIN KEPADA PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI DAN KUALITI HIDUP KELUARGA VETERAN. JUSTERU,

**(RENJER KOMUNITI)**

5. KERAJAAN AKAN **MENAMBAH BILANGAN RENJER** YANG MENGAWAL KAWASAN HUTAN KEPADA 1,500 ORANG DENGAN MENGUTAMAKAN KHIDMAT **VETERAN TENTERA**. PERUNTUKAN SEBANYAK **50 JUTA RINGGIT** DISEDIAKAN BAGI TUJUAN INI.

6. **PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)**. SYARIKAT-SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN AKAN MENAWARKAN **35 RIBU PELUANG KERJAYA** TERMASUKLAH KEPADA **VETERAN**.

7. JHEV ATM BERSAMA-SAMA AGENSI KERAJAAN LAIN AKAN MENAWARKAN 1,250 VETERAN ATM DALAM LIMA BIDANG KURSUS ANTARANYA PENGENDALIAN DRON, KESELAMATAN SIBER DAN PENYELENGGARAAN PESAWAT SELAMA TIGA BULAN.

8. MENERUSI KERJASAMA LTAT, SERAMAI 5,000 VETERAN ATM YANG BERSARA TAHUN INI AKAN DIJAMIN DIPADANKAN DENGAN PELUANG PEKERJAAN ATAU MENERIMA LATIHAN KEMAHIRAN UNTUK MENINGKATKAN PELUANG MENJANA PENDAPATAN.

#### USAHAWAN

9. BAGI PARA USAHAWAN VETERAN, TERDAPAT BANYAK GERAN PADANAN DAN DANA PEMBIAYAAN MENUNGGU UNTUK DIREBUT.

10. UNTUK PROJEK PENINGKATAN PERTANIAN PULA, KEMENTERIAN BERSAMA-SAMA LTAT AKAN MELAKSANAKAN PROJEK PENINGKATAN PERTANIAN BIJIRIN JAGUNG YANG AKAN TURUT MENAWARKAN PELUANG KERJAYA DAN PENINGKATAN PENDAPATAN KEPADA VETERAN. LTAT AKAN MENYEDIAKAN SEBANYAK 70 EKAR TANAH PERLADANGAN UNTUK MELAKSANAKAN PROJEK INI



## PENSTUKTURAN HUTANG/PINJAMAN

(PENYELESAIAN BAKI PEMBIAYAAN RUMAH LPPSA).

PRIHATIN DENGAN KELUHAN VETERAN YANG PERLU MENYELESAIKAN KESELURUHAN BAKI PINJAMAN SELEPAS MENAMATKAN PERKHIDMATAN, KERAJAAN TELAH BERSETUJU SUPAYA LPPSA MENAWARKAN PELUANG UNTUK ANGGOTA MENERUSKAN BAYARAN BALIK BAKI PINJAMAN SEPERTI BIASA. USAHA INI AKAN MEMBOLEHKAN 4,000 PEMINJAM SEMASA MENSTRUKTUR SEMULA PEMBIAYAAN TERMASUK YANG BAKAL BERSARA.

SEBENARNYA, TERDAPAT PELBAGAI LAGI MANFAAT YANG DITAWARKAN DI BAWAH BAJET MADANI INI TERMASUKLAH DALAM ASPEK PENGURUSAN KESIHATAN DAN LAIN-LAIN LAGI. SAYA MENYERU PARA HADIRIN DAN HADIRAT UNTUK MENGAMBIL SEGALA PELUANG YANG TAWARKAN DI BAWAH BELANJAWAN INI. SEMOGA SEGALA MANFAAT YANG DISASARKAN UNTUK 'MEMBANGUN MALAYSIA MADANI' DAPAT DINIKMATI SEPENUHNYA OLEH RAKYAT TERUTAMANYA PARA VETERAN YANG DIHORMATI.

